
AYAT DASAR DAN AYAT TERBITAN

AYAT DASAR



AYAT – AYAT TERBITAN



TAKRIF AYAT DASAR

- Ayat yang menjadi dasar atau sumber bagi pembentukan semua ayat lain dalam sesuatu bahasa.
- Asas kepada pembentukan ayat lain yang lebih kompleks
- Asas binaan ayat boleh dikesan rangka dasar yang berasal daripada beberapa pola rangka ayat yang dipanggil **POLA AYAT DASAR**

AYAT DASAR DAN AYAT TERBITAN

- Ayat dasar hanya ada satu subjek dan satu predikat.

contoh: Saya/ membaca buku.

- Boleh mengandungi beberapa frasa

contoh:

Saya /sedang membaca buku di perpustakaan.

Cara membina Ayat Dasar daripada Ayat Terbitan

- 1. Kesan subjek dan predikat dalam ayat.
- 2. Subjek mesti daripada kata /frasa nama
- 3. Cari frasa nama, frasa kerja , frasa adjektif atau frasa sendi nama dalam predikat
- 4. Hanya satu subjek dan satu predikat sahaja dalam ayat.
- - satu frasa bagi setiap subjek dan predikat
- 6. Jika ayat terbitan ialah ayat songsang: susunkan menjadi susunan biasa

Contoh: Ayat Songsang ditukar menjadi AYAT DASAR

- Ayat Songsang
- 1. Berpuasa dan membaca Al-Quran di bulan Ramadan , kami.

Ayat Susunan biasa

1. Kami /berpuasa dan membaca Al-Quran di bulan Ramadan.

Ayat Dasar

1. Kami berpuasa. (FN+FK)
2. Kami membaca Al-Quran. (FN+FK)

LATIHAN: Tukar ayat-ayat terbitan di bawah menjadi ayat dasar

1. Adik saya sedang menyiram pokok bunga yang baru ditanam oleh ayah.
2. Lim dan Long ialah sahabat karib sejak di bangku sekolah lagi
3. Pada setiap bulan, kami sekeluarga akan pulang menziarahi nenek di kampung.
4. Kontraktor projek pembinaan itu mendapat anugerah daripada Kementerian Pelajaran Malaysia kerana berjaya menyiapkan sebuah bangunan sekolah yang berkualiti.
5. Rajagopal yang baru pulang dari China telah mendapat tawaran melanjutkan pelajarannya di Madras .
6. Kebun kelapa sawit Zaleha di Desaru sedang mengeluarkan hasil yang banyak .
7. Sempena cuti hari raya, Cik Laila dan ibu akan membeli-belah di Kuala Lumpur.
8. Makcik Junaidah lemah lembut tetapi tegas.
9. Santi pulang ke kampung kerana neneknya sakit.

POLA AYAT DASAR/POLA AYAT INTI

- Ada empat jenis pola; setiap ayat dibentuk oleh satu perkataan bagi setiap subjek dan predikat

POLA	SUBJEK	PREDIKAT
POLA 1 (FN + FN)	*Frasa Nama* Ahmad	*Frasa nama* guru
POLA 2 (FN + FK)	*Frasa Nama* Bapa	*Frasa Kerja* berehat
POLA 3 (FN + FA)	*Frasa Nama* Anak	*Frasa Adjektif* sihat
POLA 4 (FN + FS)	*Frasa Nama* Pejabat	*Frasa Sendi Nama* di Kuala Lumpur

POLA AYAT DASAR/POLA AYAT INTI

- Ada empat jenis pola; setiap ayat dibentuk oleh satu perkataan bagi setiap subjek dan predikat

POLA	SUBJEK	PREDIKAT
POLA 1 (FN + FN)	*Frasa Nama* Ahmad	*Frasa nama* guru
POLA 2 (FN + FK)	*Frasa Nama* Bapa	*Frasa Kerja* berehat
POLA 3 (FN + FA)	*Frasa Nama* Anak	*Frasa Adjektif* sihat
POLA 4 (FN + FS)	*Frasa Nama* Pejabat	*Frasa Sendi Nama* di Kuala Lumpur

<u>LATIHAN MENGENAL PASTI POLA AYAT DASAR/POLA AYAT INTI</u>

1. Kenal pasti subjek dan predikat ayat terlebih dahulu

BIL	AYAT	POLA
1	Rumah-rumah di bandar tidak semuanya besar.	
2	Wang pada sayaialah wang baki simpanannya.	
3	Saya sedang membaca buku.	
4	Ketika mendaki bukit kaki Ali terseliuh.	

5	Ahmad Ibrahim seorang tokoh undang-undang Islam .	
6	Setiap bulan pihak sekolah akan mengadakan aktiviti keagamaan.	
7	Jalan raya di bandar Johor Bahru sentiasa sibuk.	
8	Padi huma sedang menguning di lereng bukit.	
9	Ayah Ali ke Melaka pagi tadi.	
10	Penjual ikan itu sentiasa tersenyum.	
11	Tan Seri Musa ketua polis yang berwibawa.	
12	Minggu lalu kamu ke Melakakah?	
13	Orang itu pemalu?	
